# Kawalan2 p'tumbohan seni silat perlu: Sha'ari

18 NOV 1972

SINGAPURA, Juma'at. – Setiausaha Parlemen kapada Kementerian Kebudayaan, Enche Sha'ari Tadin, malam ini membayangkan bahawa kawalan2 tertentu perlu di-kenakan kapada pertumbohan seni silat agar ia tidak merugikan orang-ramai.

Beliau juga menyampaikan rasa kesal-nya kerana terdapat orang2 yang mahir tentang seni silat menyalahgunakan kebolehan-nya untok melakukan perbuatan jenayah.

Beruchap merasmikan pembukaan pertunjokan 'Seni Silat Antarabangsa' anjoran "PASAK" di-Panggong Negara, dia menyatakan:

"Pada zaman dulu, seni silat payah di-dapati, dan ada sebab yang tertentu mengapa keadaan saperti itu wujud. Yang pertama, satiap kumpulan seni silat di-kawal rapi dan rahsia2-nya di-beritahu kapada beberapa orang pengikut-nya sahaja.

## Merbahaya

"Ini ada-lah di-sebabkan kekuatan dari seni silat sudah di-ketahui oleh umum dan sa-saorang yang mengetahui seni silat ada-lah tidak kurang kuat-nya daripada orang yang bersenjata.

Satu kebaikan dari keadaan tersebut ia-lah seni silat tidak pernah di-salahgunakan. Dengan adanya beberapa orang sahaja yang mengetahui seni silat, maka seni silat di-beri penghargaan dan penghormatan yang tinggi.

"Tetapi, apabila seni silat di-popularkan, maka timbul-lah bahaya orang2 yang tidak bertanggongjawab dan jahat mempelajari-nya untok tujuan anti-masharakat," kata-nya.

Dia menjelaskan bahawa di-Singapura, tidak ada un-siapa daripada mempelajari tiapa daripada mempelajari seni silat. Di-negeri Jepun, pemegang tali pinggang hitam dalam sa-barang seni silat di-hendaki mendaftarkan diri di-Balai Polis yang berhampiran, sama saperti pemilek senjata api.

Sa-sunggoh-nya, sa-orang yang mengetahui seni silat boleh membahayakan orang lain, jelas-nya.

Dia memberitahu dua chontoh di-mana orang yang di-anggap sa-bagai matang dalam seni silat telah melakukan perbuatan jenayah.

"Dalam perkara pertama, sa-orang pemegang tali pinggang hitam TKD dan gemar hidup bersukaria telah menjadi sa-orang penchuri, dan dalam perkara yang kedua sa-orang tukang jahit telah di-bunoh oleh beberapa orang yang mengetahui ilmu seni silat," kata-nya.

## Di-dagangkan

Enche Sha'ari kemudian bertanya, bagaimana hendak mempopularkan seni silat di-kalangan rakyat dan dalam pada itu menchegah orang2 jahat dari mempelajari-nya.

Di-Singapura, kata-nya lagi, beberapa jenis seni silat mungkin terlalu di-perdagangkan. Siapa sahaja boleh membuka Sekolah Seni Silat.

Ini bermakna, tidak ada kawalan tentang orang2 yang hendak mempelajari-nya. Jika anasir2 anti-sosial di-benarkan mempelajari seni silat, maka undang2 akan menjadi payah hendak di-kuatkuasakan dan kejadian2 jenayah akan bertambah banyak.

Tidak lama dulu, seni silat tidak bagitu bebas di-pelajari saperti sekarang, dan jurulateh2-nya tidak menchari wang keuntongan dan ada peratoran yang tidak bertulis bahawa mereka hanya menerima orang2 yang tidak akan menyalahgunakan ilmu seni silat yang di-pelajari-nya.

"Sekarang rumah2 seni silat yang tumboh saperti chendawan di-Singapura akan menerima siapa sahaja, asalkan mereka membayar wang bayaran yang di-kenakan dan wang bayaran itu pula sangat rendah.

"Seni silat ada-lah sangat

★ Muka 10 Ruang 3

## Singkirkan garisan2 perkauman dalam seni silat

★ Dari Muka 1

membahaya. Malahan dalam majlis 'rendori' pun, disiplin diri dan timbangrasa terhadap orang lain di-kuatkuasakan.

18 NOV 1972

"Namun demikian", kata Enche Sha'ari, "kejadian2 yang tidak di-sengajakan tetap berlaku. Di-Malaysia baru2 ini, sa-orang jurulateh bersilat dengan tidak sengaja telah membunoh sa-orang pelateh dengan satu tendangan di-perut semasa dia menunjok-ajar murid2-nya."

Bagaimana pun, ujar-nya, berbagai bentok seni silat yang terdapat di-Singapura boleh merupakan alat penghubong yang kuat.

"Tiap2 seni silat berasal dari satu kaum yang tertentu, tetapi kaum2 yang ada di-Singapura boleh mempelajari seni silat kaum yang lain dan berlateh untok menyingkirkan garisan2 perkauman dan memberi penghargaan kapada tiap2 seni silat, bukan saperti satu senjata, tetapi sa-bagai satu amalan yang menyihatkan badan," kata Setiausaha Parlemen itu.

Enche Sha'ari kemudian menyeru mereka yang mempelajari seni silat supaya menganggap seni silat sa-bagai satu chara menyihatkan dan menguatkan badan.

"Hanya apabila nyawa mereka terancham, maka baru-lah mereka berhak menggunakan ilmu mereka untok memukul orang yang membahayakan nyawa mereka.